

**Kerajaan BN Komited Teruskan Agenda Pembangunan, Aku Janji Kepada Rakyat Sabah  
Bernama  
20 June, 2013**

KOTA KINABALU, 20 Jun (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN), sebagai parti yang diberi kepercayaan dan mandat oleh rakyat, akan terus memastikan agenda pembangunan serta aku janji pada pilihan raya ke-13 (PRU13) dipenuhi.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata segala program pembangunan yang dirancang akan dilaksana selaras dengan aku janji dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Dalam menjalankan tugas dan amanah ini, saya pohon kepada semua Ahli Yang Berhormat pembangkang khususnya, supaya dapat melihat kebaikan dan kemurnian hasrat kerajaan BN dalam melaksanakan pelbagai dasar pembangunan yang menjurus kepada mempertingkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu pembangunan ekonomi negeri ke arah kemakmuran serta kesejahteraan yang berkekalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung ucapan dasar kerajaan bagi Kementerian Kewangan pada persidangan Dewan Undangan Negeri di Likas Khamis.

Musa, yang juga Menteri Kewangan Negeri, memberi jaminan bahawa dengan mandat baharu yang diberikan rakyat Sabah kepada BN, semua program pembangunan yang dirancang sebelum ini bukan sahaja akan dilaksana bahkan diteruskan serta dipertingkatkan.

"Justeru, kerajaan BN Sabah akan melipatgandakan lagi usaha dan bergerak lebih pantas bagi meneruskan pelaksanaan program pembangunan yang telah dirancang sesuai dengan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan (GTP/ETP)," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Musa yang juga pengerusi BN negeri, berkata kerajaan bukan sahaja mampu merancang malah berupaya melaksanakan segala perancangan dasar, projek dan inisiatif untuk kesejahteraan rakyat.

"Apa yang penting, selepas ini kita perlu terus turun padang, berikan perkhidmatan dan pembelaan yang terbaik kepada rakyat di kawasan masing-masing," katanya.

Mengulas sidang penggal pertama yang berakhir hari ini, beliau berkata wakil pembangkang lebih banyak mengelirukan Dewan dengan memutar belit fakta dan mengeksplotasi isu untuk kepentingan politik sempit mereka.

"Malah mereka seolah-olah tidak memahami atau pura-pura tidak tahu pelbagai usaha dan kejayaan kerajaan BN dalam membela nasib rakyat dan membawa pembangunan di seluruh negeri, termasuk di kawasan yang mereka menangi," katanya.

Terdahulu, Menteri Tugas-Tugas Khas Datuk Teo Chee Kang yang menggulung bagi Jabatan Ketua Menteri berkata kajian terperinci akan dibuat untuk meneliti kesesuaian Sandakan dijadikan lokasi ibu pejabat Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) yang baharu, atau Lahad Datu kekal sebagai lokasi ibu pejabat ESSCOM.

"Ini termasuk mengambil kira dari segi lokasi strategik dari aspek pertahanan dan keselamatan, kawasan liputan di samping mengambil kira dari segi kemudahan logistik yang disediakan, termasuk kemudahan lapangan terbang yang boleh menampung

kemudahan atur gerak bagi tujuan pertahanan dan keselamatan," katanya.

Sementara itu, Dewan Undangan Negeri Sabah hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Hutan (Penubuhan Hutan Simpan dan Pindaan) (Pindaan) 2013 yang mengelaskan semula 63,769 hektar hutan kelas dua kepada hutan simpan perlindungan kelas satu sebagai usaha memulihara serta menjadikannya habitat spesies terancam seperti Orang Utan.

Pembantu Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Datuk Ellron Angin ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata ia bertujuan meminda Enakmen Hutan (Penubuhan Hutan Simpan dan Pindaan (1984) itu bagi menubuhkan, mengelaskan serta mengelaskan semula Hutan Simpan di Sabah.

Beliau berkata pindaan itu tidak memberi sebarang kesan kepada perbelanjaan tambahan kerajaan negeri.

Persidangan Dewan ditangguh.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=957549>